

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-596 BIL.2/2024
22 FEBRUARI 2024**

**1) PELANTIKAN DUA (2) ORANG PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik dua (2) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai tersebut adalah Encik Zairomzi bin Nayan sebagai Pegawai Kesihatan Persekutaran (U42) di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Pelantikan pegawai adalah berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Berkelulusan Diploma Sains Kesihatan Persekutaran daripada Institut Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia dan berpengalaman sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Gred U36 di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Manakala seorang lagi pegawai P&P yang baru dilantik dan berkuatkuasa pada 1 Februari 2024 adalah Puan Nur Izzati binti Mazlan sebagai Pegawai Pertanian (G41) di Jabatan Landskap. Berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem daripada Universiti Sains Malaysia. Berpengalaman sebagai Jurutera Proses di syarikat swasta.

2) TARIKH AKHIR PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP 2024 & MENANG SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI”

Adalah dimaklumkan bahawa Promosi “**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP 2024 & MENANG SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**” telah bermula pada 1 Disember 2023 dan akan tamat pada 29 Februari 2024. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun bagi tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP.

Sebanyak 40 hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut :

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888.00
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000.00
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM4,000.00
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM3,000.00
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM2,000.00
Tempat Ke-6 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai RM8,888.00.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my

3) MAKLUMAN PENGOPERASIAN KAUNTER BAYARAN MBSP BANDAR PERDA PADA HARI SABTU DAN AHAD MINGGU KETIGA DAN KEEMPAT BULAN FEBRUARI 2024 SERTA LANJUTAN TEMPOH OPERASI PADA 29 FEBRUARI 2024

Dimaklumkan bahawa Jabatan Khidmat Pengurusan membuka kaunter bayaran pada hari Sabtu dan Ahad minggu ketiga dan keempat bulan Februari 2024 bersempena dengan bulan kutipan cukai taksiran MBSP bagi Setengah Tahun Pertama 2024 seperti berikut :

17 Februari 2024 – 18 Februari 2024	Jam 8.30 pagi - 12.30 tengah hari
24 Februari 2024 – 25 Februari 2024	Jam 8.30 pagi - 12.30 tengah hari

Operasi kaunter akan dilanjutkan sehingga jam 8.00 malam pada hari terakhir **peak period** iaitu pada **29 Februari 2024 (Khamis)** bagi memberi kemudahan kepada pelanggan membuat bayaran cukai taksiran.

Walau bagaimana pun, perkhidmatan bayaran secara atas talian melalui aplikasi seperti MBSPPay, Aspire Seberang Perai, *Touch N Go e-wallet* dan *Boost* adalah digalakkan bagi memudahkan dan melancarkan urusan pelanggan.

4) PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2024

Dimaklumkan bahawa, 29 Februari 2024 (Khamis) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2024. Mulai 1 Mac 2024 (Jumaat), caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP.

Semakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Jawi.

5) SOAL SELIDIK BAJET MBSP 2025

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa MBSP telah menyediakan Soal Selidik Bajet 2025 untuk mendapatkan idea, pandangan dan cadangan daripada “*stakeholders*” Seberang Perai berhubung dengan perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh MBSP. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan MBSP memenuhi keperluan rakyat Seberang Perai.

Soal Selidik ini akan dimuat naik ke dalam laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my mulai 1 Mac hingga 31 Mac 2024. MBSP amat menghargai masa dan kerjasama rakyat Seberang Perai dalam memberikan pandangan dan mengisi soal selidik ini.

Input bajet yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam penyediaan Bajet 2025. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497462 @ afiqazizi@mbsp.gov.my (En. Muhamad Afiq Azizi), 04-5497841 @ rahida@mbsp.gov.my (Pn. Rahida) atau 04-5497890 (Unit Bajet).

6) MBSP MELARANG MENJALANKAN PENTERNAKAN TANPA LESEN YANG SAH

Semua premis yang menjalankan aktiviti penternakan dalam kawasan Seberang Perai hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada MBSP berdasarkan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majis Perbandaran Seberang Perai 1980. MBSP akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan penternakan tanpa lesen.

MBSP telah menjalankan pendakwaan terhadap penternak yang menjalankan perternakan lembu tanpa lesen di Seberang Perai Utara. Pada 8 Januari 2024, Orang Kena Saman (OKS) telah gagal hadir ke Mahkamah dan waran tangkap telah dikeluarkan kepadanya. Pada 22 Januari 2024, waran tangkap telah berjaya dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan Komuniti dan OKS dibawa terus ke Mahkamah. OKS telah mengaku salah dan Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,500.00.

Selain itu, MBSP juga telah menjalankan pendakwaan terhadap penternak yang menjalankan perternakan ikan keli tanpa lesen di dua (2) kawasan di Seberang Perai Tengah. Pada 8 Februari 2024,

OKS telah hadir ke Mahkamah dan mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan yang dikenakan. Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,500.00 dan RM1,000.00 terhadap OKS.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan pernernakan tanpa lesen yang sah daripada pihak berkuasa tempatan. MBSP mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan penternakan tanpa lesen. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

7) GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA (*TEMPORARY LABOUR QUARTERS – TLQ*) DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PULAU PINANG

Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters – TLQ*) Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan telah berkuat kuasa mulai 01 Januari 2024.

Garis Panduan ini terpakai bagi cadangan penginapan pekerja sementara (*TLQ*) kepada **bangunan sedia ada** yang telah memperolehi CCC tertakluk kepada syarat-syarat.

Berdasarkan garis panduan TLQ ini, pihak majikan / syarikat boleh mengemukakan permohonan permit TLQ kepada MBSP mulai **1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang

permohonan selepas daripada tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan.

Tempoh kelulusan permit TLQ yang dibenarkan oleh MBSP adalah secara **one-off selama tiga (3) tahun** dan tempoh terakhir permit ialah **pada 31 Disember 2027**.

Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun tersebut, bangunan yang dijadikan sebagai TLQ perlu ditukarkan semula ke keadaan / aktiviti asal serta pekerja yang menghuni di bangunan tersebut perlu dipindahkan ke penginapan pekerja kekal berpusat.

Berdasarkan Garis Panduan *TLQ* ini, pihak majikan / syarikat hanya perlu mengemukakan permohonan kepada **Jabatan Bangunan MBSP**. Kelulusan permit akan diberikan secara *one-stop* dan pemohon TIDAK PERLU LAGI mengemukakan permohonan lesen kepada Jabatan Pelesenan MBSP.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Jabatan Bangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai di talian 04-5497737 atau melalui email bgn@mbsp.gov.my atau layari laman web MBSP / Borang / Bangunan.

8) KEMPEN 24 HOURS PLANTING CHALLENGE : TREE FEST DAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI BERSAMA WARGA SEBERANG PERAI SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun ini bercadang untuk melaksanakan program penanaman pokok *24 Hours Planting Challenge : Tree Fest* sempena Sambutan Hari Bumi (*Earth Day*) tahun 2024 yang diterajui oleh Yayasan Amal Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar. MBSP menjemput warga Seberang Perai agar turut serta menjayakan agenda penghijauan ini dengan aktiviti penanaman pokok. Perlaksanaan ini merupakan komitmen MBSP di bawah Pelan Strategi Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030 dalam konteks pembangunan hijau dan persekitaran bersih iaitu sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu Penang 2030 *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation.*

MBSP ingin menjemput warga Seberang Perai untuk bersama-sama menanam pokok sempena Sambutan Hari Bumi ini yang akan diadakan serentak pada 22 April 2024 bersamaan 13 Syawal 1445.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti setempat. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman

pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk :

- (1) mengekalkan kawasan hijau di seluruh Seberang Perai;
- (2) meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok;
- (3) memupuk semangat cintakan alam semula jadi; dan
- (4) meningkatkan kesedaran semangat pengekalan kawasan hijau.

Antara kategori pokok yang digalakkan untuk ditanam adalah dari jenis pokok teduhan dan pokok renek seperti jadual di bawah :

POKOK TEDUHAN	POKOK RENEK
i. <i>Cassia Biflora</i> / Kembang seberang	i. <i>Ixora spp.</i> / Bunga Siantan
ii. <i>Tabebuia rosea</i> / Tekoma	ii. <i>Bougainvillea spp.</i> / Bunga Kertas
iii. <i>Tecoma Argentina</i> / <i>Tabebuia aurea</i>	iii. <i>Jasminum officinale</i> / Bunga Melur
iv. <i>Syzygium campanulatum</i> ./ Kelat Paya	iv. <i>Catharanthus roseus</i> / Bunga Kembang Cina
v. Happinese Tree	v. <i>Tabernaemontana divaricata</i> vi. <i>R. Br.</i> / Bunga Susun Kelapa

Dalam menjayakan inisiatif yang berorientasikan rakyat (*People centric*), MBSP berhasrat untuk menyumbang pokok-pokok secara percuma kepada seluruh warga Seberang Perai termasuk kakitangan MBSP bermula 2 Mac 2024 sehingga 19 April 2024 bertempat di pasar-pasar awam dan taman-taman rekreasi awam seliaan Majlis di ketiga-tiga daerah dalam Seberang Perai.

Bagi merancakkan penglibatan warga Seberang Perai dalam kempen ini, tuan/ puan adalah disarankan untuk turut merekodkan kenangan bersama pokok-pokok yang ditanam samada secara individu/ berkumpulan.

Pendaftaran boleh dibuat melalui *google form* <https://forms.gle/FX7dsk4nwU29bSTz8> bermula 2 Mac 2024 sehingga 19 April 2024. Gambar yang menarik perlu dimuatnaik di IG Persendirian dengan #Plantingdaynbsp #Earthdaynbsp. Hadiah akan diberikan kepada foto yang paling kreatif melalui pertandingan fotografi siri ke dua (2) yang dianjurkan oleh MBSP.

Penyertaan ini terbuka kepada seluruh warga Seberang Perai yang berumur 13 tahun dan ke atas melalui 3 kategori yang akan diketengahkan melalui *Gender Responsive And Participatory Budgeting (GRPB)* dan beralamat di Seberang Perai. Penyertaan terbuka kepada individu dan berkumpulan. Lokasi penanaman pokok yang dibenarkan untuk ditanam adalah seperti berikut :

- a. Lot Persendirian / Tanah Persendirian
- b. Kawasan Agensi-agensi kerajaan (Contoh: Hospital)
- c. Kawasan Agensi-agensi swasta (Contoh: Kilang)
- d. Institusi Pendidikan (Contoh: Sekolah, Kolej, Politeknik, Universiti dan lain-lain yang berkaitan)
- e. Kesemua lokasi-lokasi di atas perlulah mendapatkan kebenaran oleh agensi masing-masing

Pecahan kategori hadiah foto yang paling kreatif adalah seperti berikut:

- i. Kategori belia lelaki atau perempuan (13-30 tahun)
 - Pertama: wang tunai rm700 dan sijil penghargaan
 - Kedua: wang tunai rm500 dan sijil penghargaan

- Ketiga: wang tunai rm300 dan sijil penghargaan
 - Saguhati: wang tunai rm100 x 3 dan sijil penghargaan
- ii. Kategori dewasa lelaki atau perempuan (31-59 tahun)
- Pertama: wang tunai rm700 dan sijil penghargaan
 - Kedua: wang tunai rm500 dan sijil penghargaan
 - Ketiga: wang tunai rm300 dan sijil penghargaan
 - Saguhati: wang tunai rm100 x 3 dan sijil penghargaan
- iii. Kategori warga emas lelaki atau perempuan (60 tahun dan ke atas)
- Pertama: wang tunai rm700 dan sijil penghargaan
 - Kedua: wang tunai rm500 dan sijil penghargaan
 - Ketiga: wang tunai rm300 dan sijil penghargaan
 - Saguhati: wang tunai rm100 x 3 dan sijil penghargaan

Sebarang pertayaan boleh berhubung melalui Jabatan Landskap sebagai jabatan penganjur.

9) SAMBUTAN BULAN RAMADHAN 1445H

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramdhan 1445H kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang beragama Islam. Bulan Ramadhan tahun ini dijangka bermula pada 12 Mac 2024 (Selasa), bersamaan 1 Ramadhan 1445H. Marhaban Ya Ramadhan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.